

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN ONE-OFF RM500.00**  
**DI BAWAH INISIATIF PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI)**  
**BAGI PEMANDU PELANCONG BERLESEN TAHUN 2021**  
**\*(Kecuali Pemandu Pelancong Sabah)**

1. Hanya **Warganegara Malaysia (Pemegang MyKad)** sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.
2. Hendaklah memiliki lesen **Pemandu Pelancong Bandar/ Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat/ Pemandu Pelancong Khas Langkawi/ Pemandu Pelancong Khas Wilayah Sarawak (RSTG)** yang masih sah berkuatkuasa dengan MOTAC.
3. Hanya pemegang lesen **Pemandu Pelancong** yang masih sah laku pada **18 Januari 2021** layak menerima bantuan kewangan ini.
4. Lesen pemandu pelancong yang telah **tamat tempoh sah laku sebelum atau pada 18 Januari 2021 dan tidak mengemukakan pembaharuan lesen pemandu pelancong berserta dengan bayaran fi proses sebelum 17 Januari 2021** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Pemandu Pelancong sedia ada **tidak akan dipertimbangkan**.
5. Pemandu Pelancong Berlesen yang layak menerima bantuan ini perlu mengemukakan butiran lesen Pemandu Pelancong dan juga akaun bank kepada **Pejabat MOTAC Negeri dimana lesen Pemandu Pelancong didaftarkan kali pertama (negeri kutipan)**.
6. Pemberian bantuan kewangan ini **hanya diberikan secara One-Off kepada individu yang layak sahaja**.



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BANTUAN ONE-OFF RM500.00**

**PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) 2021**

**BAGI PEMANDU PELANCONG YANG DILESENKEN OLEH**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

**\*(KECUALI PEMANDU PELANCONG SABAH)**

1. Adakah Pemandu Pelancong Kategori Sementara (Warga Asing) layak untuk bantuan One-Off RM500.00 di bawah inisiatif PERMAI 2021?

**Hanya Warganegara Malaysia yang memiliki/memegang lesen Pemandu Pelancong yang dikeluarkan oleh MOTAC sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.**

2. Adakah Lesen Pemandu Pelancong yang telah tamat tempoh pada 1 Januari 2021 dan tidak memperbaharui lesen sebelum tarikh tersebut tetapi telah membuat pembaharuan pada 19 Januari 2021 layak menerima bantuan ini?

**Hanya individu yang memiliki Lesen Pemandu Pelancong yang masih sah atau mengemukakan permohonan pembaharuan dengan MOTAC pada atau sebelum 17 Januari 2021 sahaja yang layak bantuan kewangan ini.**

3. Adakah seorang Pemandu Pelancong yang memegang pelbagai kategori lesen seperti Pemandu Pelancong Bandar dan Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat yang masih sah di dalam pelbagai bahasa dapat memohon bantuan One-Off RM500.00 di bawah inisiatif PERMAI 2021?

**Pemberian bantuan kewangan ini hanya diberikan secara One-Off ke atas setiap individu sahaja. Pemberian kewangan ini tidak diberikan berdasarkan bilangan kategori lesen yang dimiliki.**

4. Apakah jenis kategori lesen Pemandu Pelancong yang layak menerima bantuan One-Off ini?

**Pemegang lesen Pemandu Pelancong yang layak menerima bantuan kewangan ini mestilah terdiri daripada kategori Bandar/ Alam Semulajadi Setempat/ Khas Wilayah Sarawak dan Khas Langkawi yang dikeluarkan oleh**

**MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan masih sah laku layak menerima bantuan ini.**

5. Adakah Pemandu Pelancong yang berlesen di negeri Sabah layak untuk menerima bantuan ini?

**Pemandu Pelancong Berlesen Negeri Sabah termasuk dalam penerima insentif kewangan di bawah inisiatif Belanjawan 2021 dan tidak layak menerima bantuan kewangan insentif PERMAI 2021.**

6. Bilakah penyaluran bantuan ini akan dilaksanakan oleh MOTAC?

**MOTAC akan melaksanakan penyaluran bantuan ke akaun bank individu secara berperingkat bermula dari bulan 1 Mac hingga 31 Mei 2021. Walaubagaimanapun tempoh penyaluran tersebut bergantung kepada kesempurnaan maklumat yang dikemukakan oleh Pemandu Pelancong Berlesen kepada MOTAC.**

7. Jika Pemandu Pelancong yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MOTAC adakah individu tersebut boleh membuat rayuan kepada MOTAC?

**Hanya Pemandu Pelancong Berlesen yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

8. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan dengan bayaran bantuan One-Off RM500.00 PERMAI 2021 bagaimakah orang ramai boleh mendapat maklumat? **Makluman berkenaan bayaran bantuan One-Off ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi dan Facebook rasmi MOTAC. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan.**

9. Kepada siapa perlu dikemukakan butiran lesen Pemandu Pelancong dan akaun bank bagi menerima bantuan ini?

**Pemandu Pelancong Berlesen yang layak perlu mengemukakan butiran lesen Pemandu Pelancong dan akaun bank kepada Pejabat MOTAC Negeri di mana lesen Pemandu Pelancong didaftarkan kali pertama (negeri kutipan).**

10. Adakah Pemandu Pelancong Berlesen yang layak menerima bantuan ini dapat menerima tunai di kaunter bank yang ditetapkan oleh MOTAC?

**Pada masa ini penyaluran bantuan ini akan dilaksanakan secara pengkreditan terus ke akaun bank Pemandu Pelancong Berlesen yang layak.**

**PENGUMUMAN PERTAMA**  
**BANTUAN KEWANGAN SECARA**  
**ONE-OFF RM500.00 KEPADA PEMANDU PELANCONG BERLESEN DI BAWAH**  
**INISIATIF PERMAI 2021**

Dalam inisiatif PERMAI 2021, Pemandu Pelancong Berlesen di bawah Kementerian ini akan mendapat manfaat bantuan kewangan sebanyak RM500.00 secara *One-Off* bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi.

Kementerian sedang dalam usaha untuk memuktamadkan proses penyaluran bantuan yang bersesuaian kepada kesemua Pemandu Pelancong Berlesen yang layak. Pada masa yang sama, Kementerian juga dalam proses mengumpul dan menyempurnakan maklumat Pemandu Pelancong Berlesen yang layak bagi tujuan penyaluran bantuan kewangan ini berdasarkan syarat-syarat yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

Untuk makluman, tempoh masa yang diambil bagi proses pelaksanaan penyaluran bantuan kewangan ini adalah bergantung kepada kesempurnaan maklumat dan data yang diperolehi daripada Pemandu Pelancong. Oleh yang demikian, ketepatan maklumat adalah sangat penting bagi memudah serta melicinkan proses ini.

Kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan adalah dimohon untuk mengemukakan butiran yang tepat sekiranya dimohon oleh pihak Kementerian. Ini bagi memastikan penyaluran dapat dibuat dengan teratur. Pengumpulan dan pengemaskinian maklumat ini akan dilaksanakan oleh Pejabat MOTAC Negeri. Jika terdapat pertanyaan tuan-tuan dan puan-puan boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan. Kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sebarang pemakluman terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian terima kasih.